

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 FEBRUARY 2017

KES SAMAN FITNAH ANWAR IBRAHIM TERHADAP KHAIRY JAMALUDDIN

Sedia panggil Dr M, Muhyiddin jadi saksi

BH- 11/2/2017

➔ Cadangan bagi buktikan dakwaan Anwar dalam pernyataan tuntutan terhadap Khairy

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Datuk Seri Anwar Ibrahim sedang menimbangkan untuk memanggil Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, memberi keterangan dalam kes saman fitnah dikemukakan beliau terhadap Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin.

Kes saman itu adalah berhubung dakwaan Anwar bahawa Khairy memfitnahnya pada satu ceramah di Pantai Dalam, di sini, sembilan tahun lalu yang menggambarkan beliau seorang homoseksual.

Peguam R Sivarasa yang mewakili Anwar ketika ditemui berkata,

pihaknya bercadang memanggil bekas Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri itu bagi membuktikan dakwaan Anwar terhadap Khairy dalam pernyataanuntutannya.

Sivarasa bagaimanapun berkata pihaknya belum membuat keputusan muktamad berhubung perkara itu.

Katanya, jika sudah dimuktamadkan, beliau akan memfailkan pernyataan saksi sebelum Khamis ini.

Putus panggil 3 individu

Beliau berkata, Anwar sudah memutuskan untuk memanggil Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Dr Man-

Info

Kes saman fitnah Anwar Ibrahim terhadap Khairy Jamaluddin

➔ Khairy memfailkan pernyataan pembelaan terhadap saman itu pada 8 Oktober 2010

➔ Beliau mendakwa perkataan diucapkannya adalah berdasarkan kepada pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat

sor Othman.

Sivarasa berkata demikian dalam prosiding perbicaraan kes saman terbabit di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Azizul Azmi Adnan, semalam.

Anwar memfailkan saman fitnah ke atas Khairy pada 7 Mac 2008, kerana mendakwa Khairy yang ketika itu Naib Ketua Pemuda UMNO, memfitnahnya pada satu ceramah di Pantai Dalam.

Dalam writ saman dan pernyataan tuntutan, Anwar berkata, Khairy yang dinamakan selaku defendan, mengeluarkan perkataan fitnah dan menyebabkan klip video bertajuk *Anwar and kin in threat* disiarkan di web, termasuk portal Malaysiakini.com.

Perbicaraan bersambung 20 Februari ini.